

RABU • 06.09.2017

kota@utusangroup.com.my

# UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,  
Melalui Jalan Chan Sow Lin,  
55200, Kuala Lumpur.  
facebook: Utusan Kota  
Twitter: @UtusanKota  
Laman Web: www.utusan.com.my



LEMBAH KLANG  
NEGERI SEMBILAN  
MELAKA

## REAKSI

WARGA ASING JAJAH  
KUALA LUMPUR



LAMBAKAN peniaga warga asing di Jalan Kenanga memberi kesan negatif kepada peniaga tempatan kerana barangan yang dijual lebih murah berbanding harga pasaran."

**MOHD. AZMI ZAKARIA**  
Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Sarawak



PIHAK berkuasa tempatan perlu mengambil tindakan terhadap peniaga tempatan yang menyewakan premis mereka kepada warga asing. Ini salah satu punca banjir peniaga warga asing di sini."

**EMIR MALIK MALEQ**  
Peniaga



SAYA berharap pihak berwajib turun padang dan menyiasat perkara ini. Bagaimana dengan begitu mudah mereka menjalankan perniagaan terutama dalam sektor peruncitan."

**YUSOF HASHIM**  
Penduduk



SEBUAH kedai runcit yang turut menjual barangan basah dipercayai dijalankan oleh warga asing di Jalan Kenanga, Kuala Lumpur.



WARGA asing bebas menjalankan perniagaan tanpa rasa cakut kepada undang-undang pihak berkuasa tempatan.



SEBUAH gerai makan di medan selera bersebelahan Perumahan Awam Seri Sarawak di Jalan Kenanga, Kuala Lumpur didakwa disewakan peniaga tempatan kepada warga asing.



KEBANJIRAN peniaga warga asing yang tidak terkawal khususnya di sektor peruncitan terus menimbulkan kebimbangan penduduk tempatan. - UTUSAN/ AZLAN HADI ABU BAKAR



SEOLAH-OLAH herada di negara sendiri, seorang warga asing dilihat bebas menjalankan kegiatan harian seperti biasa.

- Warga asing bebas jalan aktiviti perniagaan
- Abai aspek kebersihan, jadi punca sesak ✓

## Giliran Jalan Kenanga pula 'dikuasai'



KEBANJIRAN warga asing turut menimbulkan masalah sampah di PA Seri Sarawak berhampiran Jalan Kenanga

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN**  
kota@utusangroup.com

### ■ KUALA LUMPUR 5 SEPT.

**K**ERANCAKAN aktiviti premis perniagaan peruncitan di ibu negara bagaikan tidak mampu dikawal.

Jika sebelum ini Jalan Silang, Jalan Tun Tan Siew Sin dan Jalan Bukit Bintang 'dikuasai' warga asing, kini merebak pula di Jalan Kenanga.

Jalan Kenanga yang cukup popular sebagai lokasi pemborong fesyen seperti pakaian, beg, kasut, aksesori, barangan solek, kelengkapan tekstil dan perhiasan rumah itu kini berubah wajah.

Warga asing yang terdiri daripada warga Nepal dan Bangladesh itu bukan lagi sebagai pekerja, hari ini mereka mengusahakan perniagaan sendiri.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke lokasi terbabit mendapati mereka semakin berani membuka kedai runcit, pasar raya, menjual peralatan elektronik dan kedai ma-

kan. Terdapat tiga buah Perumahan Awam (PA) kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu PA Jalan Hang Tuah, PA Seri Sarawak dan PA Seri Selangor di kawasan berhampiran.

Rata-rata penduduk kediaman terbabit mendakwa, terdapat banyak persaingan berlaku antara peniaga tempatan dan asing.

Persaingan itu berlaku apabila peniaga warga asing meletakkan harga yang murah terhadap jualan mereka.

*Utusan Malaysia* turut difahamkan tindakan peniaga tempatan menyewakan premis kepada warga asing turut menyumbang kepada banjir mereka di kawasan ini.

Sehubungan itu DBKL diminta lebih tegas dalam menangani isu ini.

Jika tidak ditangani, keadaan ini memberi impak tidak baik kepada peniaga warga tempatan serta mencemarkan imej Kuala Lumpur.